

Kucing era Ronald Reagan diiktiraf tertua di dunia

UMMA,
12/5/16

TEXAS 11 Mei - Seekor kucing Siam yang dilahirkan semasa era pentadbiran Presiden Amerika Syarikat (AS), Ronald Reagan, diiktiraf sebagai kucing paling tua yang masih hidup ketika ini.

Pengiktirafan itu diberikan oleh *Guinness World Records* kepada pemiliknya, Gail Floyd.

Menurut buku rekod dunia itu, kucing bernama Scooter yang menetap di Mansfield, Texas tersebut menyambut ulang tahun kelahirannya yang ke-30 pada 26 Mac lalu.

Dalam pada itu, Floyd berkata, Scooter seekor kucing yang aktif dan itu merupakan antara rahsia mengapa haiwan tersebut mampu bertahan sehingga tiga dekad.

Jelas Floyd, Scooter juga suka mengembara dan telah melawat 45 daripada 50 buah negeri di AS setakat ini.

Katanya, antara aktiviti kegemaran Scooter termasuklah mengeringkan bulu badannya selepas mandi serta menikmati ayam hampir setiap hari.



SCOOTER memegang rekod selaku kucing tertua dunia. - AGENSI

Bagaimanapun, Scooter bukanlah satu-satunya kucing paling lama hidup yang berjaya melakar nama dalam *Guinness World Records*.

Pengiktirafan tersebut juga pernah diterima seekor lagi kucing kelahiran Texas sebelum ini yang hidup sehingga mencapai usia 38 tahun. - AP